# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SABTU 10 OKTOBER 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | MAQIS RAMPAS 17,000 KG CILI DARI CHINA, DALAM NEGERI, UM -31<br>17,000KG CILI DARI CHINA DIRAMPAS, NEGERI MELAKA/NEGERI SEMBILAN, SH -28<br>MAQIS SEIZES ILLEGALLY IMPORTED RED CHILLIES, NEWS/NATION, NST -12<br>MAQIS SEIZES 17,000KG F CHINA CHILLIES, NATION, THE STAR -10<br>17,000 KG CILI DARI CHINA DISITA MAQIS JOHOR, NEGARA, KOSMO -16 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6. | RAMPASAN RACUN HAMPIR RM500,000, NEGARA, KOSMO -16 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 7. | BID TO LEVERAGE MERSING POTENTIAL IN AGRIBUSINESS, TOURISM, BUSINESS/NEWS, NST -16 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/10/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Maqis rampas 17,000 kg cili dari China



KONTENA dengan muatan 17,000 kilogram cili dari China yang ditahan Maqis Johor di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor, kelmarin.

**ISKANDAR PUTERI:** Sebuah kontena membawa 17,000 kilogram cili ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor kerana dibawa masuk ke negara ini tanpa mematuhi piawaian ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia.

Pengarah Maqis negeri, Nur Afifah A. Rahman berkata, kontena berkenaan ditahan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah di sini, kelmarin dan menemukan cili itu yang dianggarkan bernilai RM71,243.60.

Katanya, cili berkenaan dipercayai dibawa masuk bagi kegunaan pasaran tempatan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati cili tersebut tidak mematuhi syarat import iaitu tidak mempunyai Sijil Fitosanitasi dari negara asal dan gagal mematuhi penggredan, pembungkusan serta pelabelan.

"Pemandu warga tempatan berusia 40 tahun ditahan untuk diambil keterangan manakala barangan dagangan disita untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Nur Afifah, kes itu disiasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/10/2020 | SINAR HARIAN | MELAKA/NEGERI SEMBILAN | 28 |

# 17,000kg cili dari China dirampas

Dirampas di Pelabuhan Tanjung Pelepas kerana tidak mempunyai sijil fitosanitasi

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Sebanyak 17,000 kilogram (kg) cili besar dianggarkan bernilai RM71,243 ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Gelang Patah di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, berdasarkan pemeriksaan yang dilakukan pada jam 3 petang ke atas sebuah kontena mendapati konsainan dari negara China itu tidak mempunyai sijil fitosanitasi dari negara asal.

"Ia tidak mempunyai sijil fitosanitasi dari negara asal dan gagal mematuhi penggredan, pembungkusan dan pelabelan sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil perakuan 3P.



Kontena membawa 17,000kg cili dari China yang dirampas Maqis di Pelabuhan Tanjung Pelepas kelmarin.

"Kesemua cili itu disita untuk tindakan lanjut manakala pemandu lori kontena iaitu seorang lelaki tempatan berusia 40-an diambil rakaman percakapan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nur Afifah berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Katanya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda di bawah Seksyen 15(2) akta sama, yang mana jika sabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Maqis tegas menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk sempadan bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara mematuhi peraturan yang ditetapkan," kata beliau lagi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/10/2020 | NST | NEWS/NATION | 12 |

# Maqis seizes illegally imported red chillies

**JOHOR BARU:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized a container with a consignment of red chillies illegally imported from China. Johor Maqis director Nur Afifah A. Rahman said the container was detained at the Tanjung Pelepas Port during an inspection at 3pm on Wednesday. "Maqis enforcement officers found 17,000kg of red chillies worth RM71,243.60 intended for the local market. Checks showed the chillies did not fulfill the import conditions set in the Maqis import certificate, namely not having the phytosanitary certificate from the country of origin and failing to meet the grading, packaging and labelling requirements." She said a man in his 40s had been detained to help in the investigation.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/10/2020 | THE STAR | NATION | 10 |

# Maqis seizes 17,000kg of China chillies

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my



Hot commodity: Red chillies from China found by Maqis at Tanjung Pelepas Port in Iskandar Puteri.

**JOHOR BARU:** The state Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) detained a container filled with 17,000kg of red chillies from China at Tanjung Pelepas Port (PTP) here.

Maqis state director Nur Afifah A. Rahman said the container was detained at around 3pm on Thursday.

"Checks by Maqis officers at the location found that the consignment of red chillies from China was worth RM71,243 and meant for the local market.

"Further checks found that the chillies did not follow import regulations as stipulated by Maqis.

"The consignment did not have a phytosanitary certificate from the country of origin," she said here yesterday.

Nur Afifah added that besides not having the certificate, the chillies also failed to follow the grading, packaging and labelling standards as stipulated under the 3P certification requirements.

She said Maqis seized the container and its contents for further action under Section 15(1) of the Malaysia Inspection and Quarantine Service Act 2011 (Act 728).

Nur Afifah said that Maqis was committed to carrying out inspection and enforcement at the country's entry points to ensure that all agriculture produce entering Malaysia follow the rules and regulations set by the government.

In an unrelated case, the General Operation Force (GOF) detained a 43-year-old man for smuggling 192 bottles of liquor and 167 cartons of illicit cigarettes worth about RM44,056.

Its Simpang Renggam Fifth Battalion commanding officer Supt Dimin Awang said the suspect was detained at around 12.30pm on Thursday in front of a hypermarket along Jalan Tasek in Seri Alam here.

He said the items were found inside a Proton Wira and a Toyota Vios parked at the location.

"Initial investigations showed that the suspect used the two vehicles to store the cigarettes and liquor.

"The total value of the seized items, including the two cars, are RM111,056," he said, adding that the suspect and the items were handed over to the police for further investigations.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/10/2020 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 17,000 kg cili dari China disita Maqis Johor

**ISKANDAR PUTERI** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor merampas sebanyak 17,000 kilogram (kg) cili merah dari China yang tidak mematuhi syarat import di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Gelang Patah, di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A. Rahman berkata, cili merah bernilai RM71,243.60 dibawa masuk melalui kontena dipercayai untuk pasaran tempatan.

Menurutnya, pihaknya turut menahan seorang lelaki yang juga pemandu kontena berusia 40 tahun.

"Pemeriksaan lanjut mendapati cili tersebut tidak mematuhi syarat import iaitu tidak mempunyai Sijil Fitosanitasi dari negara asal, selain gagal mematuhi Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan sebagaimana yang dinyatakan dalam sijil perakuan 3P.

"Kesemua barangan dagangan disita untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Nur Afifah, kes akan disiasat di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda di bawah Seksyen 15(2) akta sama, yang mana jika sabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Beliau turut menegaskan, pihaknya sentiasa komited menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk negara bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian agar mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan kerajaan.



SEBANYAK 17,000 kg cili merah dari China dirampas Maqis Johor di PTP Gelang Patah kelmarin.

**Senarai Harga Barang Keperluan**

| Barang | Harga (kg) |
|---|---|
| Ayam | RM5.99 |
| Daging Lembu Tempatan | RM34 |
| Daging Lembu Import | RM24 |
| Telur Gred A (30 biji) | RM8.50 |
| Ikan Kembung | RM5.99 |
| Minyak Masak | RM5.15 |
| Gula Pasir | RM2.75 |
| Bawang Besar Holland | RM2.50 |
| Bawang Putih | RM3.20 |
| Cili Merah | RM8.00 |
| Kubis Tempatan | RM1.69 |
| Tepung Gandum | RM2.15 |

Sumber: KPDNHEP

# Rampasan racun hampir RM500,000

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 35 tan racun rumpai dan serangga perosak tidak berdaftar dirampas dalam satu serbuan di sebuah premis yang dijadikan stor penyimpanan di Rawang, Selangor, Selasa lalu.

Serbuan oleh sepasukan 27 anggota penguat kuasa daripada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja Jabatan Pertanian berjaya merampas 32 jenis racun bernilai RM476,760.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Mohd. Nasir Warris berkata, serbuan dilakukan hasil aduan awam berkenaan premis terbabit menjalankan urusan jual-beli secara terus kepada pengguna.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati premis yang dipercayai aktif sejak awal tahun lalu telah dijadikan hab penyimpanan sebelum racun tersebut dihantar dan diedarkan ke seluruh negara.

"Hasil serbuan, kita telah merampas pelbagai jenis racun makhluk perosak bagi kegunaan kawalan rumpai dan sebahagian besar rampasan melibatkan racun yang mengandungi perawis atau bahan aktif *Paraquat Dichloride* tidak berdaftar.

"Racun yang mengandungi bahan ini telah diharamkan penggunaannya di negara ini sejak 1 Januari lalu kerana ia bukan sahaja berbahaya kepada alam sekitar, malah kepada pengguna sendiri," katanya.




MOHD. NASIR (tengah) menunjukkan racun yang dirampas dalam serbuan di sebuah premis di Rawang, Selasa lalu.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar rampasan racun perosak tidak berdaftar di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 di Wisma Tani di sini semalam.

Tambah Mohd. Nasir, serbuan tersebut juga turut merampas pelbagai racun serangga berlabel tulisan negara Thailand dan tidak berlabel disyaki tiruan.

"Ada juga racun yang dirampas dilabel sebagai baja semburan pada daun. Ini sangat berbahaya kepada pengguna kerana mereka sangka baja tetapi sebenarnya adalah racun," ujarnya.

Kes disiasat di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 mengikut Seksyen 13 (1) (b) iaitu mengilang, Seksyen 20 (3) menjual dan Seksyen 53A (1) (a) memiliki racun makhluk perosak tidak berdaftar.

# Buat aduan dipaksa tukar kepala gas

**KUALA TERENGGANU** – Syarikat pemasangan alat keselamatan kepala gas, UGS Network Service (M) Sdn. Bhd. (UGS) menafikan dakwaan syarikat tersebut menggunakan modus operandi memaksa pengguna untuk membeli perkhidmatan mereka.

Sebaliknya dua kejadian yang berlaku di Rawai, Bukit Payung, Marang dan Batu Rakit, Kuala Nerus baru-baru ini merupakan salah faham yang berpunca daripada jurujual yang tidak menerapkan etika kerja ditetapkan syarikat.

Wakil Jabatan Sumber Manusia UGS, Nor Akmal berkata, syarikatnya telah mengambil tanggungjawab memulangkan duit caj perkhidmatan RM370 kepada penguna terlibat selain mengenakan tindakan disiplin terhadap dua jurujual terbabit.

"Syarikat kami adalah ahli Persatuan Jualan Langsung Malaysia dan mempunyai lesen jualan langsung daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak 2004.

"Kami sentiasa memastikan ejen-ejen mematuhi kod etika dan tatacara jualan langsung seperti ditetapkan Akta Jualan Langsung 1993," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Sehubungan itu, Nor Akmal memberitahu, sebarang aduan boleh disalurkan talian **1-300-888-688** atau **012-523 6863** agar tindakan dalaman boleh dilakukan.



KEPALA gas yang dijual UGS Network Service.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/10/2020 | NST | BUSINESS/NEWS | 16 |

ECERDC INITIATIVES

# Bid to leverage Mersing potential in agribusiness, tourism

**KUALA LUMPUR:** The East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) and the Johor government want to leverage Mersing's potential as a prime agribusiness and tourism destination to drive the growth of economic activities post-Covid-19 pandemic.

ECERDC said in a statement in line with the government's aspiration to bolster self-sufficiency in food supplies, the implementation of the Jemaluang Dairy Valley (JDV) and Endau-Mersing Integrated Fish Processing Park by ECERDC in Mersing was timely.

The council said the JDV, which was expected to be ready by February 2023, would reduce the country's reliance on imported milk products, which was estimated to be worth RM3.9 billion last year.

JDV consists of upstream and downstream facilities such as cow barns, a milking area, a milk processing centre and a fodder station for cattle feed on a 275ha plot in Sungai Ambat, Jemaluang.

Meanwhile, the council said the development of the Endau-Mersing Fish Processing Park would rejuvenate Mersing's fisheries sector, a traditional economic driver for the district.

"This development will improve the quality of downstream fish-based products that are manufactured by local small and medium enterprises.

"This will help create job opportunities for the locals," it said.

According to ECERDC, the park, which is expected to be ready by March 2022, will be built on a 1.15ha plot in Endau owned by the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM).

As for the tourism sector, under the East Coast Economic Region (ECER) Master Plan 2.0 (EMP 2.0), the Rainforest to Reef (R2R) development strategy will harness the potential of ecotourism, coastal tourism and island tourism in the district.

ECERDC said a milestone project was Kampungstay in Air Papan involving the construction of chalets with local aesthetics and the upgrading of surrounding facilities to transform the traditional homestay concept into community-based tourism.

This project, which is expected to be ready by February 2022, will enable the local community to earn income through the cooperative that was established to manage and provide the Kampungstay experience and facilities to tourists.

Meanwhile, the council said the Sultan Iskandar Marine Park Information Centre in Pulau Besar, which was expected to be completed early next year, would also act as a Rural Transformation Centre (RTC) for the local community while serving as a "must visit" tourist destination in the islands of Mersing.



*An information centre is being built at the Sultan Iskandar Marine Park on Pulau Besar and it is set to be a 'must visit' tourist destination when completed early next year.* FILE PIC